

## Bubu naga RM16,000 dirampas

TUMPAT - Sebanyak 83 unit bubu naga yang diharamkan penggunaannya di negara ini dirampas dalam satu operasi bersepadu di perairan laut Kuala Tak Bai hingga Kuala Besar.

Pengarah Jabatan Perikanan Kelantan, Nazri Ishak berkata, operasi Bersepadu Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor bersama Bahagian Penguatkuasa Jabatan Perikanan Negeri Kelantan bermula semalam berjaya merampas bubu naga membabitkan jumlah RM16,000.

"Penggunaan bubu naga lebih daripada dua injap adalah kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985.

"Kita haramkan penggunaan bubu naga ini kerana mahu memastikan ekosistem dan pembiakan sumber laut di kawasan laut cetek tidak terjejas," ka-

tanya pada sidang media di Markas Operasi PPM Pengkalan Kubor, di sini, semalam.

Nazri berkata, beliau percaya bubu naga tersebut dipasang oleh nelayan tempatan di perairan tersebut namun ketika operasi tiada tangkapan dibuat.

"Siasatan lanjut berhubung kes tersebut dilakukan mengikut Seksyen 8 (A), Seksyen 10 (2) dan Seksyen 29 Akta Perikanan 1985," katanya.

Menurutnya, penguatkuasaan akan dilakukan dari semasa ke semasa kerana penggunaan bubu naga ini boleh menyebabkan hampir 80 peratus ikan kecil terjejas.

Dalam pada itu, nelayan tempatan dinasihatkan agar menangkap ikan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan.



Nazri (tiga dari kanan) bersama anggota PPM dan Penguatkuasa Jabatan Perikanan Kelantan menunjukkan bubu naga yang dirampas di Markas Operasi PPM Pengkalan Kubor.